

**NO. SOALAN : 497**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN ABDULLAH SANI BIN  
ABDUL HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan rancangan  
untuk menaik taraf Pantai Peranginan Kelanang di Morib.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Sepang , di bawah Rancangan Malaysia KeSembilan (RMKe-9) Kementerian ini telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM1.37** juta bagi **menaiktaraf infrastruktur di Pantai Peranginan Kelanang iaitu RM1 juta bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Pantai Kelanang dan RM370,000.00 bagi Projek Membina dan Menaik Taraf Jalan Masuk ke Tapak Perkhemahan Pantai Kelanang.** Kemudahan ini secara langsung telah memberi manfaat kepada pengunjung di pantai tersebut.

Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10) tiada sebarang peruntukan disediakan bagi projek di Pantai Peranginan Kelanang di Morib. Namun begitu, permohonan projek pembangunan pelancongan boleh dikemukakan untuk pertimbangan di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11), *Rolling Plan Kedua (RP2)* dan seterusnya.

Sekian, terima kasih.